

# Perkembangan pesat dalam sektor kelautan jadi tarikan

MESKIPUN Encik Wassim Akram Shah belajar dalam bidang kejuruteraan mekanikal tetapi perkembangan pesat dalam industri maritim di Singapura telah menarik perhatiannya dalam sektor itu.

Minatnya semakin membara apabila membaca tentang laporan-laporan mengenai pembinaan terminal Tuas yang baru, sejak awal tahun lalu.

Bahkan, keinginan untuk menimba pengetahuan dalam maritim begitu kuat, sehingga mahasiswa Universiti Nasional Singapura (NUS) itu memohon untuk Anugerah Kerja Sambil Belajar Global (GIA) di bawah Pengguna Kelautan dan Pelabuhan (MPA).

Encik Wassim, 24 tahun, kini sedang menjalani program itu dengan syarikat BP Singapore dan akan ditugaskan ke pejabat BP di London selama sebulan.

Semasa dihubungi, beliau yang mempunyai pengkhususan dalam bidang minyak dan gas lepas pantai berkata, beliau kagum dengan sektor maritim setempat kerana "Singapura sering berusaha untuk perbaiki diri dan menjadi suara global dalam bidang itu".

Rasa minat itu ditambahkan lagi apabila beliau menjalani program perindustrian dengan syarikat khidmat minyak, Schlumberger tahun lalu.

"Dari segi potensi, saya rasa tiada batasnya dalam bidang ini."

"Ia bergantung kepada apa yang anda mahukan dan terokai dalam industri ini. Saya mendapat tahu begitu banyak pertubuhan dalam industri ini dan banyak jabatan bekerjasama."

"Malahan, sekitar 90 peratus daripada barang

dunia masih dikirimkan menerusi laut," ujar anak sulung dalam tiga beradik itu.

Disebabkan itu, Encik Wassim fikir tidak wajar untuk menepikan industri yang wujud sejak berzaman lalu sedangkan ia sentiasa melakukan peningkatan dari segi teknologi.

"Secara peribadi, saya rasa lokasi Singapura memainkan peranan besar dalam hal ini dan kita sebagai rakyat Singapura harus memanfaatkan sepenuhnya dan meningkatkan diri kita atau sekurang-kurangnya melengkap diri dengan pengetahuan asas dalam industri ini," terang beliau.

Didorong minat itu, Encik Wassim berharap untuk merebut seberapa banyak peluang untuk mendedahkan diri dalam sektor kelautan, terutama menerusi program GIA.


Namun demikian, beliau berdepan dengan banyak cabaran sejak berjinak-jinak dalam bidang itu.

"Sebenarnya saya tidak mempunyai kenalan mahupun anggota keluarga dalam industri ini."

"Agak sukar untuk memahaminya kerana NUS tidak memiliki pengajian kelautan atau modul yang berkaitan terutama pada tiga tahun pertama pengajian saya."

"Jadi saya sentiasa mencari peluang untuk belajar lebih banyak tentang industri ini."

"Pada awalnya, saya memulakan program kerja sambil belajar, sukar juga untuk mengikuti pengetahuan dan terma kelautan tetapi saya fikir itulah yang menyenorkan - belajar sesuatu yang baru setiap hari di BP," tambahnya.



**BERALIH BIDANG PENGAJIAN:** Encik Wassim Akram Shah belajar dalam bidang kejuruteraan mekanikal namun keinginan untuk menimba pengetahuan dalam bidang kelautan begitu kuat, sehingga mahasiswa NUS itu memohon untuk Anugerah Kerja Sambil Belajar Global (GIA) di bawah Pengguna Kelautan dan Pelabuhan (MPA). – Foto BH oleh ZALEHA ABDUL KADER